**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM**
BA-22NCC-50-03/2025

**DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**(BAHAGIAN DAGANG)**

**GUAMAN SUIT NO.: ______________________**

ANTARA

1. ERDASAN GROUP BERHAD
   [No. Pendaftaran: 200401006297 (644800-X)]

2. AT PRECISION TOOLING SDN BHD
   [No. Pendaftaran: 200301025555 (627975-M)

…PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

MAK SIEW WEI
[No K/P.: 750130-08-6707]

...DEFENDAN

---

# PERNYATAAN TUNTUTAN

---

## A. PIHAK-PIHAK

1. Plaintif Pertama:-

   1.1. Telah diperbadankan pada 8.3.2004 di bawah Akta Syarikat 1965 ketika itu;

   1.2. Merupakan satu syarikat awam yang tersenarai di bawah Pasaran Utama Bursa Malaysia Berhad;

   1.3. Dahulunya dikenali sebagai AT Systematization Berhad;

   1.4. Menjalankan perniagaan pegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan kepada anak-anak syarikat; dan

1.5. Mempunyai alamat berdaftarnya di 1-10, Medan Perniagaan Pauh Jaya, Jalan Baru, 13700, Perai, Pulau Pinang.

2. Plaintif Ke-2:-

2.1. Telah diperbadankan pada 12.09.2003 di bawah Akta Syarikat 1965 ketika itu;

2.2. Merupakan anak syarikat milik penuh Plaintif Pertama;

2.3. Menjalankan perniagaan fabrikasi bahagian -bahagian perindustrian dan kejuruteraan, pengendali dan pengeluar tenaga boleh baharu; dan

2.4. Mempunyai alamat berdaftarnya di 1-10, Medan Perniagaan Pauh Jaya, Jalan Baru, 13700, Perai, Pulau Pinang.

3. Defendan:-

3.1. merupakan pengarah Plaintif Pertama yang dilantik pada 1.3.2013;

3.2. merupakan pengarah Plaintif Ke-2 yang dilantik pada 25.9.2013;

3.3. telah digantung sebagai pengarah Plaintif-Plaintif pada 11.3.2025; dan

3.4. mempunyai alamat penyampaiannya di A-12-02, Surian Residences, Jalan PJU 7/15, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Malaysia.

## B. FAKTA-FAKTA LATAR BELAKANG

4. Pada setiap masa yang material, Defendan adalah salah satu orang yang diberi kuasa untuk membenarkan sebarang pembayaran-pembayaran bagi pihak Plaintif-Plaintif.

5. Antara 2020 dan 2021, Defendan telah mengarahkan pembayaran - pembayaran dibuat kepada pelbagai penerima-penerima jumlah keseluruhan yang sebanyak RM46,470,166.61, butir-butirnya adalah seperti yang berikut:-

| NO. | BAYARAN DARIPADA | BAYARAN KEPADA | TARIKH TRANSAKSI | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 30/6/2020 | 300,000.00 |
| 2. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 30/6/2020 | 300,000.00 |
| 3. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 1/7/2020 | 300,000.00 |
| 4. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 1/7/2020 | 200,000.00 |
| 5. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 2/7/2020 | 300,000.00 |
| 6. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 2/7/2020 | 200,000.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 7. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 3/7/2020 | 295,500.50 |
| 8. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 3/7/2020 | 204,499.50 |
| 9. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 7/7/2020 | 258,500.30 |
| 10. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 7/7/2020 | 241,499.70 |
| 11. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 10/7/2020 | 275,388.30 |
| 12. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 10/7/2020 | 224,611.70 |
| 13. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 13/7/2020 | 327,255.60 |
| 14. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 13/7/2020 | 272,744.40 |
| 15. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 23/7/2020 | 276,750.00 |
| 16. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 23/7/2020 | 315,860.00 |
| 17. | AT Systematization Bhd | NKK Top Trading | 23/7/2020 | 299,890.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 18. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 12/8/2020 | 100,000.00 |
| 19. | AT Systematization Bhd | NKK Top Trading | 25/8/2020 | 214,330.00 |
| 20. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 26/8/2020 | 258,175.00 |
| 21. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 26/8/2020 | 241,825.00 |
| 22. | AT Systematization Bhd | NKK Top Trading | 27/8/2020 | 267,550.00 |
| 23. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 27/8/2020 | 232,450.00 |
| 24. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 3/9/2020 | 278,240.00 |
| 25. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 7/9/2020 | 265,480.00 |
| 26. | AT Systematization Bhd | NKK Top Trading | 8/9/2020 | 257,530.00 |
| 27. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 8/9/2020 | 242,470.00 |
| 28. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 9/9/2020 | 222,870.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 29. | AT Systematization Bhd | NKK Top Trading | 10/9/2020 | 267,550.00 |
| 30. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 10/9/2020 | 232,450.00 |
| 31. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 18/11/2020 | 488,500.00 |
| 32. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 18/11/2020 | 262,440.00 |
| 33. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 20/11/2020 | 510,220.00 |
| 34. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 20/11/2020 | 265,750.00 |
| 35. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 30/11/2020 | 800,000.00 |
| 36. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 3/12/2020 | 611,500.00 |
| 37. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 15/12/2020 | 505,650.00 |
| 38. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 15/12/2020 | 552,360.00 |
| 39. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 16/12/2020 | 499,650.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 40. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 16/12/2020 | 458,720.00 |
| 41. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 22/12/2020 | 510,550.00 |
| 42. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 22/12/2020 | 496,750.00 |
| 43. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 23/12/2020 | 565,780.00 |
| 44. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 30/11/2021 | 505,542.60 |
| 45. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 30/11/2021 | 508,969.80 |
| 46. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 30/11/2021 | 496,250.40 |
| 47. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 30/11/2021 | 486,989.21 |
| 48. | AT Systematization Bhd | Just In Solution Sdn Bhd | 23/12/2020 | 445,200.00 |
| 49. | AT Systematization Bhd | LMC Multi Trading | 8/10/2021 | 450,000.00 |
| 50. | AT Systematization Bhd | LMC Multi Trading | 8/10/2021 | 350,000.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 51. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 23/7/2020 | 307,500.00 |
| 52. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 25/8/2020 | 285,670.00 |
| 53. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 1/9/2020 | 212,788.00 |
| 54. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 7/9/2020 | 234,520.00 |
| 55. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 9/9/2020 | 277,130.00 |
| 56. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 18/11/2020 | 515,280.00 |
| 57. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 18/11/2020 | 228,450.00 |
| 58. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 20/11/2020 | 458,770.00 |
| 59. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 20/11/2020 | 331,680.00 |
| 60. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 30/11/2020 | 985,000.00 |
| 61. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 3/12/2020 | 588,500.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 62. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 15/12/2020 | 465,660.00 |
| 63. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 15/12/2020 | 476,330.00 |
| 64. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 16/12/2020 | 515,750.00 |
| 65. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 16/12/2020 | 525,880.00 |
| 66. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 22/12/2020 | 550,250.00 |
| 67. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 22/12/2020 | 442,450.00 |
| 68. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 23/12/2020 | 469,120.00 |
| 69. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 23/12/2020 | 519,900.00 |
| 70. | AT Systematization Bhd | Midas Mode Sdn Bhd | 4/1/2021 | 204,000.00 |
| 71. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 30/11/2021 | 464,844.60 |
| 72. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 30/11/2021 | 509,337.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 73. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 30/11/2021 | 485,418.00 |
| 74. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 30/11/2021 | 495,363.00 |
| 75. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 21/9/2021 | 285,000.00 |
| 76. | AT Systematization Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 21/9/2021 | 315,000.00 |
| 77. | AT Systematization Bhd | Midland Sands Sdn Bhd | 8/10/2021 | 398,000.00 |
| 78. | AT Systematization Bhd | Midland Sands Sdn Bhd | 8/10/2021 | 310,500.00 |
| 79. | AT Systematization Bhd | Midland Sands Sdn Bhd | 8/10/2021 | 355,000.00 |
| 80. | AT Systematization Bhd | Digital Miracles Sdn Bhd | 8/10/2021 | 495,000.00 |
| 81. | AT Systematization Bhd | Digital Miracles Sdn Bhd | 8/10/2021 | 455,000.00 |
| 82. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 1/9/2020 | 287,212.00 |
| 83. | AT Systematization Bhd | NKK Top Trading | 3/9/2020 | 221,760.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 84. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 18/11/2020 | 505,330.00 |
| 85. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 20/11/2020 | 433,580.00 |
| 86. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 24/8/2021 | 446,250.00 |
| 87. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 24/8/2021 | 353,670.00 |
| 88. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 24/8/2021 | 452,880.00 |
| 89. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 24/8/2021 | 420,550.00 |
| 90. | AT Systematization Bhd | Silver Metal Construction Sdn Bhd | 8/10/2021 | 398,500.00 |
| 91. | AT Systematization Bhd | Silver Metal Construction Sdn Bhd | 8/10/2021 | 388,500.00 |
| 92. | AT Systematization Bhd | Silver Metal Construction Sdn Bhd | 8/10/2021 | 375,000.00 |
| 93. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 8/10/2021 | 399,500.00 |
| 94. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 8/10/2021 | 355,000.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 95. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 8/10/2021 | 388,500.00 |
| 96. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 8/10/2021 | 355,800.00 |
| 97. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 8/10/2021 | 378,200.00 |
| 98. | AT Systematization Bhd | Top Line Sdn Bhd | 8/10/2021 | 286,902.00 |
| 99. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 8/10/2021 | 350,000.00 |
| 100. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 8/10/2021 | 299,000.00 |
| 101. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 8/10/2021 | 399,500.00 |
| 102. | AT Systematization Bhd | Oasis Prestasi Sdn Bhd | 8/10/2021 | 288,500.00 |
| 103. | AT Systematization Bhd | Super Gain KSC Trading | 8/10/2021 | 355,900.00 |
| 104. | AT Systematization Bhd | Super Gain KSC Trading | 8/10/2021 | 395,100.00 |
| 105. | AT Systematization Bhd | Super Gain KSC Trading | 8/10/2021 | 282,000.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 106. | AT Systematization Bhd | Dasa Menang Enterprise | 8/10/2021 | 282,500.00 |
| 107. | AT Systematization Bhd | Dasa Menang Enterprise | 8/10/2021 | 275,700.00 |
| 108. | AT Systematization Bhd | Och Oc Enterprise | 8/10/2021 | 288,500.00 |
| 109. | AT Systematization Bhd | Och Cc Trading | 8/10/2021 | 399,000.00 |
| 110. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Akmad Seramik Sdn Bhd | 6/7/2020 | 220,880.50 |
| 111. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Delta Million Dynamic Sdn Bhd | 9/7/2020 | 281,229.20 |
| 112. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Akmad Seramik Sdn Bhd | 9/7/2020 | 218,770.80 |
| 113. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Akmad Seramik Sdn Bhd | 19/11/2020 | 368,550.00 |
| 114. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | LMC Multi Trading | 2/9/2020 | 228,750.00 |
| 115. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Solid Two Trading | 2/9/2020 | 271,250.00 |
| 116. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Infinity Stream Trading | 4/9/2020 | 258,740.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 117. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Akmad Seramik Sdn Bhd | 4/9/2020 | 241,260.00 |
| 118. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Infinity Stream Trading | 19/11/2020 | 455,550.00 |
| 119. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Just In Solution Sdn Bhd | 19/11/2020 | 485,600.00 |
| 120. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | LMC Multi Trading | 19/11/2020 | 334,520.00 |
| 121. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | WP Equipment Material Part Trading Sdn Bhd | 30/6/2020 | 150,000.00 |
| 122. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | WP Equipment Material Part Trading Sdn Bhd | 30/6/2020 | 150,000.00 |
| 123. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | WP Equipment Material Part Trading Sdn Bhd | 30/6/2020 | 100,000.00 |
| 124. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | WL Hardware Part Trading Sdn Bhd | 30/6/2020 | 150,000.00 |
| 125. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | WL Hardware Part Trading Sdn Bhd | 30/6/2020 | 150,000.00 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 126. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | WL Hardware Part Trading Sdn Bhd | 30/6/2020 | 100,000.00 |
| 127. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Infinity Stream Trading | 8/7/2020 | 277,678.20 |
| 128. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Silver Metal Construction Sdn Bhd | 6/7/2020 | 279,119.50 |
| 129. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Silver Metal Construction Sdn Bhd | 8/7/2020 | 222,321.80 |
| 130. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Akmad Seramik Sdn Bhd | 28/8/2020 | 227,560.00 |
| 131. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Silver Metal Construction Sdn Bhd | 28/8/2020 | 272,440.00 |
| 132. | AT Precision Tooling Sdn Bhd | Silver Metal Construction Sdn Bhd | 19/11/2020 | 355,780.00 |
| | | | | Jumlah: RM46,470,166.61 |

6. Sekitar pada awal Mac 2025, seorang pekerja Plaintif -Plaintif telah menyatakan kepada Lembaga Pengarah-Pengarah Plaintif ( tanpa kehadiran Defendan) bahawa pembayaran-pembayaran di atas adalah dibuat dengan tidak teratur. Maklumat tersebut telah diberikan oleh pihak pekerja tersebut dengan syarat bahawa namanya tidak disiarkan.

7. Lembaga Pengarah-Pengarah serta-merta selepas itu menjalankan siasatan awal dan mendapati ada merit kepada maklumat yang diberikan oleh pekerja yang tidak dinamakan itu.

8. Siasatan mendedahkan bahawa Defendan telah menyebabkan bayaran-bayaran tersebut di atas dibayar keluar secara curangnya kerana tiada kerja-kerja dan/ atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh penerima-penerima kepada Plaintif-Plaintif.

9. Plaintif seterusnya menegaskan bahawa penerima-penerima hanya digunakan sebagai penyamar oleh Defendan di mana penerima muktamad kepada jumlah yang dinyatakan di atas yang sebanyak RM46,470,166.61 adalah Defendan.

10. Akibatnya, Lembaga Pengarah-Pengarah Plaintif-Plaintif menggantungkan Defendan daripada fungsi-fungsi eksekutifnya sebagai pengarah pada 11.3.2025 sementara menunggu siasatan lanjutan terhadap transaksi-transaksi tersebut.

## C. KEMUNGKIRAN KEWAJIPAN-KEWAJIPAN FIDUSIARI

11. Pada setiap masa yang material, Defendan mempunyai kewajipan fidusiari kepada Plaintif sebagai pengarah mereka, termasuk, antara lain, kewajipan berikut di bawah undang-undang lazim, ekuiti dan Akta Syarikat 2016 (“**CA 2016**”):-

    11.1. kewajipan untuk bertindak jujur;

    11.2. kewajipan untuk bertindak dengan suci hati;

    11.3. kewajipan untuk tidak meletakkan dirinya dalam kedudukan konflik kepentingan;

11.4. kewajipan untuk bertindak demi kepentingan terbaik Plaintif-Plaintif dan bukan untuk memajukan kepentingan peribadinya;

11.5. kewajipan untuk menjalankan ketelitian munasabah, kemahiran yang berpatutuan dan ketekunan munasabah; dan

11.6. kewajipan untuk tidak bertindak dalam apa-apa cara yang akan membawa apa-apa faedah atau kelebihan kepada dirinya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sehingga merugikan Plaintif-Plainitf.

12. Plaintif-Plaintif melalui Lembaga Pengarah-Pengarah mereka setelah menjalankan siasatannya telah memastikan dan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh pekerja yang tidak dinamakan itu, iaitu Defendan telah menyebabkan jumlah RM46,470,166.61 yang dinyatakan di atas dibayar keluar secara curangnya atas sebab-sebab seperti yang dinyatakan sebelum ini.

13. Atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, Defendan telah memungkirkan kewajipan-kewajupan fidusiarinya kerana Plaintif-Plainitf di bawah undang-undang lazim, ekuiti dan/atau CA 2016.

## D. <u>PECAH AMANAH</u>

14. Ia adalah ditegaskan bahawa Defendan telah secara salah dan/atau secara frod menyebabkan jumlah RM46,470,166.61 di atas dibayar keluar oleh Plaintif-Plaintif atas sebab-sebab yang ditegaskan di atas.

15. Ia adalah ditegaskan selanjutnya bahawa Defendan menyebabkan bayaran yang disebut di atas diremitkan atas sebab tunggal dia merupakan penerima muktamad terhadap jumlah sebanyak RM46,470,166.61 tersebut yang dinyatakan di atas.

16. Oleh yang demikian, Defendan memegang jumlah sebanyak RM46,470,166.61 tersebut yang dinyatakan di atas untuk dan bagi pihak Plaintif-Plaintif melalui amanah konstruktif ("*constructive trust*").

## E. FROD BERASASKAN EKUITI

17. Ia adalah ditegaskan bahawa Defendan telah melakukan frod berasaskan ekuiti terhadap Plaintif-Plaintif dengan menyebabkan jumlah RM46,470,166.61 yang dinyatakan di atas dibayar keluar secara salah daripada Plaintif-Plaintif berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan sebelum ini.

18. Oleh yang demikian, Plaintif-Plaintif telah mengalami kerugian dan ganti rugi.

## F. TUNTUTAN-TUNTUTAN

19. OLEH ITU, Plaintif-Plaintif menuntut relif-relif berikut:-

    19.1. Satu pengisytiharan bahawa Defendan telah melakukan frod berasaskan ekuiti terhadap Plaintif-Plaintif dengan secara salah menyebabkan Plaintif-Plaintif meremitkan jumlah keseluruhan RM46,470,166.61 kepada pelbagai pihak ketiga tanpa asas;

19.2. Satu pengisytiharan bahawa Defendan adalah pemegang amanah konstruktif yang memegang jumlah keseluruhan RM46,470,166.61 untuk dan bagi pihak Plaintif -Plaintif;

19.3. Bahawa semua aset-aset dan harta-harta Defendan dikesan (“*be traced*”) dan selepas itu memohon untuk melunaskan keterhutangannya kepada Plaintif-Plainitf jumlah keseluruhan RM46,470,166.61 tersebut;

19.4. Selanjutnya dan sebagai alternatif, Defendan membayar jumlah keseluruhan RM46,470,166.61 sebagai ganti rugi khas yang dialami oleh Plaintif-Plaintif;

19.5. Ganti rugi am untuk ditentukan;

19.6. Ganti rugi teladan;

19.7. Ganti rugi keterlaluan;

19.8. Faedah pada kadar 5% setahun dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh;

19.9. Kos atas dasar indemniti penuh terhadap Defendan; dan

19.10. Sebarang relif-relif lain yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah ini.

Bertarikh 20 haribulan Mac 2025

OKB

______________________________________

Peguamcara bagi pihak Plainitf-Plainitif
Tetuan Ong Kok Bin C Co

**Pernyataan Tuntutan** ini difailkan oleh Tetuan Ong Kok Bin C Co, peguamcara bagi pihak Plaintif-Plainitf, alamat penyampaian di No.101, Jalan Telawi, Bangsar Baru, 59100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2202 2813 Email: general@okb.my
[Ruj: ET/ 2025(L)/ 5052/ERDASAN)]